

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

### DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : YB. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY  
JUSOH  
KAWASAN : SETIU  
NO. SOALAN : 29

YB. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY JUSOH minta minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk meneruskan pemberian insentif cukai bagi kereta hibrid dan “electrical vehicle” bagi kedua - dua model yang diimport masuk sepenuhnya (CBU) dan model pemasangan tempatan (CKD) dalam menggalakkan rakyat Malaysia menggunakan kereta mesra alam.

### JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mengurangkan pelepasan asap kenderaan yang menjadi antara punca utama pencemaran udara di Malaysia, Kerajaan telah pun menawarkan pelbagai insentif untuk menggalakkan rakyat Malaysia beralih kepada kenderaan mesra alam sekitar seperti hibrid dan elektrik.

Antara insentif ini termasuklah pengecualian duti import dan eksais ke atas pengimportan kenderaan hibrid dan elektrik secara CBU (*completely built-up*). Walaupun insentif ini telah tamat pada 31 Disember 2013, Kerajaan terus menyediakan insentif seumpama bagi kenderaan hibrid dan elektrik yang dipasang secara tempatan (CKD), disamping insentif-insentif *customised* lain.

Pemberian insentif *customised* ini antara lain adalah berdasarkan tahap pelaburan strategik oleh syarikat yang meliputi nilai pelaburan, jumlah pengeluaran, pemindahan teknologi, aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), pembangunan rangkaian bekalan, peluang pekerjaan dan jumlah eksport.